

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UPM
SEMPENA MAJLIS PROMOSI UPM BERSAMA MEDIA 2026
7 April 2026
PANGGUNG PERCUBAAN, PKKSSAAS UPM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

- Terima kasih saudara Pengacara Majlis
 - Yang Berbahagia Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti
 - Rakan-Rakan Media
 - Warga Universiti Putra Malaysia
 - serta hadirin yang dihormati sekalian
1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Promosi Universiti Putra Malaysia 2026 pada hari yang penuh bermakna ini.
 2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pemenang yang diraikan pada hari ini.
 3. Kejayaan yang dicapai bukan sahaja mencerminkan usaha gigih dan kecemerlangan peribadi malah memperlihatkan keupayaan Universiti Putra Malaysia dalam melahirkan warga akademik dan profesional yang berdaya saing, berintegriti serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan sejagat.

4. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan media yang hadir serta yang sentiasa komited dalam menyokong Universiti Putra Malaysia.
5. Peranan pihak media dalam memperluaskan hebahan, mengetengahkan kepakaran universiti serta menyampaikan pencapaian UPM kepada masyarakat amatlah penting dan dihargai. Sokongan berterusan daripada pihak media menjadi antara faktor utama dalam memperkukuh reputasi dan visibiliti universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.
6. Sekiranya pihak media memerlukan maklumat lanjut atau ingin mendapatkan bahan eksklusif, boleh terus berhubung dengan pakar UPM melalui Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat UPM.

Hadirin yang dihormati,

7. Tahun 2025 telah kita tinggalkan, namun pencapaian yang dilakar sepanjang tahun tersebut terus menjadi kayu ukur kepada perjalanan dan perancangan strategik UPM untuk tahun ini dan masa hadapan.
8. Antara pencapaian membanggakan ialah kejayaan UPM mencatatkan 29 subjek tersenarai dalam QS World University Rankings by Subject 2026. Ini merupakan bukti konsistensi dan kekuatan akademik universiti ini di peringkat global.

9. Lebih membanggakan, bidang Sains Veterinar terus menyerlah apabila kekal dalam kelompok terbaik dunia di kedudukan ke-38. Pencapaian ini mengukuhkan kedudukannya sebagai subjek nombor satu di Malaysia selama lima tahun berturut-turut dan terbaik di Asia selama tiga tahun berturut-turut.
10. Dalam masa yang sama, bidang Pertanian dan Perhutanan turut mengekalkan kecemerlangan apabila berada pada kedudukan ke-64 dunia, sekali gus mengekalkan status sebagai yang terbaik di Malaysia selama 14 tahun berturut-turut dan berada dalam kelompok 10 terbaik di Asia.

Hadirin sekalian,

11. UPM bukan sahaja mengejar kecemerlangan akademik, tetapi juga komited dalam memacu agenda besar negara dan global. Pada Januari 2026, UPM telah melancarkan Blueprint Kesihatan Planet dan Kelestarian sebagai usaha memperkukuh peranan universiti ini sebagai agen transformasi global demi kesejahteraan sejagat.
12. Kita beraspirasi untuk menjadikan UPM sebagai pusat rujukan nasional dan serantau dalam bidang kesihatan planet.
13. Selain itu, UPM terus menerajui agenda keterjaminan makanan melalui pelaksanaan Blueprint Keterjaminan Makanan yang kini menjadi rujukan bukan sahaja di peringkat nasional melalui Nexus Keterjaminan Makanan malah turut merentasi institusi pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik.

14. Sesungguhnya, agenda keterjaminan makanan adalah agenda berterusan yang tidak pernah bernoktah. Ia menuntut komitmen berpanjangan dan kerjasama semua pihak dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan negara.

Hadirin yang saya hormati,

15. Dalam mendepani cabaran semasa, pakar-pakar UPM memainkan peranan penting sebagai agen penyampai ilmu kepada masyarakat. Kepakaran yang dimiliki bukan sekadar untuk penghasilan penerbitan akademik, tetapi perlu diterjemahkan kepada penyelesaian yang memberi manfaat nyata kepada negara dan rakyat.
16. Di sinilah peranan rakan-rakan media amat signifikan. UPM amat mengalu-alukan kehadiran dan kerjasama pihak media sebagai rakan strategik dalam menyampaikan hasil kajian, kepakaran dan pencapaian universiti kepada masyarakat luas. Peranan anda membantu merapatkan jurang antara dunia akademik dan masyarakat.
17. Akhir kata, marilah kita terus menyemai semangat PUTRA – Pertanian Untuk Rakyat dalam setiap warga universiti. Semangat ini perlu diterjemahkan melalui program bersama masyarakat agar ilmu dan kepakaran yang kita miliki dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.

18. Semoga segala usaha kita terus diberkati dan memberi impak yang besar kepada negara dan masyarakat.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.